

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**
[KOTA BHARU]

TARIKH : **20 OKTOBER 2015**

SOALAN : **Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sikap Kerajaan terhadap pelarian-pelarian yang terpaksa lari dari negara mereka yang bergolak terutamanya dari Timur Tengah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkenaan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap Konvensyen Berkaitan Status Orang-Orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967, dengan izin, *Convention Relating to the Status of Refugees 1951 and its Protocol 1967* pernah dibangkitkan sebelum ini. Sehingga kini, Malaysia bukan dan tidak berhasrat untuk menjadi Negara Pihak, dengan izin, *State Party* kepada Konvensyen tersebut.

3. Ingin saya perjelaskan di sini bahawa, sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, Kerajaan Malaysia perlu mengambil kira kesesuaian peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Konvensyen berkenaan dengan rangka perundangan serta polisi negara. Keanggotaan Malaysia ke instrumen antarabangsa bukan hanya sekadar keahlian semata-mata, tetapi ianya datang dengan tanggungjawab yang harus dilaksanakan dan dipatuhi seperti yang telah termaktub di dalam instrumen tersebut.

4. Sekiranya Malaysia menjadi Negara Pihak kepada Konvensyen tersebut, kerajaan akan bertanggungjawab menjaga "pelarian" khususnya dalam menyediakan keperluan asas seperti tempat perlindungan, kemudahan kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Dalam kebanyakan

kes, pelarian mendapat hak yang sama rata seperti warganegara. Oleh itu, adalah wajar untuk kerajaan mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam mengambilkira kesemua faktor-faktor yang berkaitan untuk memastikan bahawa Kerajaan Malaysia telah benar-benar bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai Negara Pihak kepada Konvensyen tersebut.

5. Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, dalam mempertimbangkan penyertaan Malaysia ke dalam Konvensyen Berkaitan Status Orang-Orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967, Kerajaan Malaysia perlu meneliti dengan mendalam akan kesan penyertaannya kepada negara. Antara perkara-perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah dari aspek keselamatan, sosial dan ekonomi, serta aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Kerajaan turut khuatir sekiranya Malaysia menjadi Negara Pihak kepada Konvensyen berkenaan, ini akan menjadi faktor penarik utama, dengan izin, "*Pull Factor*" untuk lebih ramai kemasukan migran asing ke negara ini memandangkan Malaysia merupakan salah satu destinasi utama "pelarian" dan bukan lagi negara transit untuk mereka.

6. Harus diambil maklum bahawa, walaupun Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Berkaitan Status Orang-Orang Pelarian 1951 dan Protokolnya 1967 dan tidak terikat untuk memenuhi tanggungjawab di bawah Konvensyen tersebut, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan Malaysia telah membenarkan "pelarian", termasuklah Rohingya dan dari Timur Tengah, yang diiktiraf oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) dan memerlukan perlindungan untuk tinggal di Malaysia buat sementara sehingga ditempatkan semula di negara-negara ketiga, dengan izin, *resettlement to*

third country, atau pulang ke negara asal mereka. Dari segi kebajikan, mereka tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di hospital dan klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak diberikan secara percuma dan mereka tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Merujuk kepada isu kemanusiaan Syria, ingin dimaklumkan bahawa Malaysia telah menyumbangkan sebanyak USD 500,000 kepada Syria semasa *Second International Humanitarian Pledging Conference (IHPC)* di Kuwait pada 15 Januari 2014. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu warga Syria di dalam dan di luar Syria, serta mengurangkan beban negara-negara jiran Syria yang kini menjadi tuan rumah kepada hampir empat juta orang warga Syria.

8. Sementara itu, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Kelab Putra 1Malaysia, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI), *the Global Children's Wellbeing Fund (GCWF)*, *Muslim Care Malaysia*, HALUAN Palestine dan lain-lain telah secara berterusan memberikan sumbangan kepada rakyat Syria yang berada di pusat-pusat pelarian di Lebanon, Turkey dan Jordan. Sumbangan yang diberikan adalah dalam pelbagai bentuk "*in kind*" contohnya pakaian, ubatan, dan lain-lain.

Tuan Yang-di Pertua,

9. Menerusi platform OIC pula, Malaysia telah menyertai Mesyuarat, dengan izin, *OIC Open-Ended Executive Committee Meeting on the Syrian Refugees Issue* yang diadakan di Jeddah pada 13 September 2015, di mana Mesyuarat tersebut telah menerima pakai satu kenyataan bersama, dengan izin *final communique* yang mengesa agar semua pihak menghulurkan bantuan atau sumbangan untuk meringankan kesengsaraan yang ditanggung oleh rakyat Syria. Malaysia juga akan memberikan bantuan kepada negara-negara yang telah menerima migran Syria sebagai lambang sokongan negara terhadap usaha murni mereka.

10. Seterusnya, dan yang terkini, semasa Persidangan Agung PBB ke-70 yang berlangsung di New York pada bulan September 2015, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menerima seramai 3,000 orang migran Syria dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu meringankan krisis pelarian.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Malaysia telah mula menggalas tanggungjawab selaku ahli Majlis Keselamatan PBB dari bulan Januari 2015. Sebagai ahli Majlis Keselamatan PBB, Malaysia berpegang teguh kepada prinsip penyelesaian konflik melalui kaedah rundingan secara damai. Malaysia juga menggalakkan pendekatan kesederhanaan dalam usaha mencapai penyelesaian. Malaysia turut berpegang teguh kepada prinsip menghormati integriti wilayah dan kedaulatan negara lain.

12. Mengambil kira pendirian berprinsip tersebut, Malaysia menyokong penuh usaha penyelesaian krisis di Syria secara menyeluruh melalui dialog dan rundingan terangkum, termasuk usaha oleh TYT Staffan de Mistura, Wakil Khas Setiausaha Agung PBB bagi Syria. Malaysia juga berpandangan bahawa semua pihak di Syria perlu berunding dan bekerjasama dalam mencari penyelesaian politik kepada krisis dengan disokong oleh masyarakat antarabangsa.

13. Sejak Malaysia menduduki kerusi ahli Majlis Keselamatan PBB dari Januari hingga September 2015, Majlis Keselamatan telah menghasilkan lapan (8) dokumen berkenaan Syria, iaitu, dua (2) resolusi, dua (2) kenyataan presiden dan empat (4) kenyataan akhbar, yang antara lainnya, menggesa semua pihak bertelagah bekerjasama mencari penyelesaian damai berhubung situasi politik dan keselamatan di Syria di samping mengecam penggunaan senjata kimia dan bahan toksik kimia. Malaysia telah menyokong dokumen-dokumen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

14. Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin terhadap isu kemanusiaan Rohingya, Syria dan Yaman. Justeru, Malaysia akan terus menghulurkan bantuan dan bekerjasama dengan komuniti dan badan-badan antarabangsa dalam mencari jalan penyelesaian.

Sekian, terima kasih.